

RM35 juta perluas program K2K

Pelaksanaan berperingkat di 10 petempatan PPR sekitar Selangor, Kuala Lumpur

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Shah Alam: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan peruntukan RM35 juta bagi memperluas Program Kita-Utuk-Kita (K2K) di 10 petempatan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Peruntukan itu membolehkan program K2K, inisiatif yang dilancarkan kerajaan di bawah Belanjawan 2023 bagi meningkatkan daya huni perumahan awam, dilaksanakan secara berperingkat bermula di Kuala Lumpur sebelum diperluaskan ke Selangor sehingga 2024.

Perdana Menteri berkata, K2K yang akan turut membabitkan usaha sama dengan kerajaan Selangor, akan dapat memberi manfaat kepada lebih 50,000 warga PPR untuk menikmati kehidupan lebih sejahtera.

"Ia termasuk PPR Kampung Baru Hicom ini," katanya berucap melancarkan K2K di PPR Kampung Baru Hicom yang turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Akmal Nasrullah Mohd Nasir, di sini semalam.

K2K juga memangkin sokongan terhadap komuniti perumahan awam dan pengurusan bangunan bagi menanggapi cabaran sosial, ekonomi dan fizikal melalui empat cabang kritikal pemerkasaan komuniti, pengurusan bersama komuniti, tambah baik penjanaan pendapatan dan reformasi dasar.

Anwar berkata, melalui projek tambahan itu, bukan hanya ke-

mudahan seperti lif diperbaiki, tetapi juga melengkapkan ruang untuk riadah seperti padang futsal dan pendidikan penghuni PPR melalui pusat tuisyen.

"Kerajaan melalui KPKT juga akan membangunkan pusat untuk penghuni melakukan aktiviti menjana pendapatan. Sehubungan itu, saya minta syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka, memasarkan produk keluaran komuniti PPR ini.

"Ini bagi menambah pendapatan penduduk PPR yang saya lihat banyak mengeluarkan hasil di rumah masing-masing," katanya turut memaklumkan, KPKT bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jawatankuasa penduduk juga sudah diarah menyediakan kelas tuisyen khusus untuk anak PPR.

PPKL ditangguh sebulan lagi

Sementara itu, Perdana Menteri menjelaskan, Pelan Pembangunan Kuala Lumpur (PPKL) ditangguhkan sebulan lagi bagi membolehkan pelbagai pihak memberi input sebelum ia dimuktamadkan pada Jun.

Beliau yang mengesahkan pindaan pelan itu sudah diluluskan pada peringkat pegawai berkata, rundingan dan perbincangan mengenai perancangan berkenaan sudah diadakan selama lebih lapan tahun.

"Beberapa pindaan dalam pelan itu sudah diluluskan. Saya bagi ruang sebulan lebih lagi untuk diperbaiki hingga akhir Mei, bagi membolehkan pelan itu di edarkan supaya ahli politik, syarikat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pakar lain dapat memberikan input terakhir," katanya.

PPKL berasaskan komponen sistem pelan pembangunan yang mengikut peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Akta ini memerlukan Datuk Bandar menyediakan pelan pembangunan bagi memandu pembangunan di Kuala Lumpur.

Menerusinya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mem-



PPR Kampung Baru Hicom antara 10 petempatan terbabit dalam inisiatif Program K2K.

bangunkan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) selepas sebahagian dasar PSKL2020 disemak semula susulan pembangunan, perubahan ekonomi dan dasar terkini negara dalam tempoh 20 tahun kebelakangan.

Anwar menjelaskan, pelan itu bagaimanapun tidak akan menjejaskan pembangunan projek mega yang diusahakan swasta di kawasan milik persendirian, manakala projek mega kerajaan bukan lagi menjadi keutamaan.

"Usaha swasta di tanah mereka sendiri, kerajaan tak halang, tetapi projek mega kerajaan bukan jadi keutamaan. Kerajaan kini tumpu projek menjana pertumbuhan ekonomi, menjaga kejayaan bandar, juga soal perumahan rakyat dan soal penyelesaian rakyat seperti gerai dan warung.

"Kita mahu pembangunan untuk rakyat, manfaat untuk penaja dan peniaga kecil dengan sediakan kemudahan standard antarabangsa, bersih dan indah," katanya turut menegaskan tidak mahu dikenali sebagai Perdana Menteri yang gah dengan projek mega.

"Kita mahu sediakan, mengindahkan dan memastikan ke-

bersihan Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam mesyuarat semalam (kelmarin) di DBKL, saya nyatakan keutamaan adalah kesejahteraan penduduk PPR, mengindahkan dan membersihkan kawasan perumahan rakyat seperti Flat Seri Perlis yang semakin daif.

"Kedua, saya mahu Kuala Lumpur tidak lagi dikenali dengan mercu tanda mega seperti KLCC, tapi punya taman yang indah dan kesejahteraan penduduk kota dengan lebih banyak gerai yang bersih. Juga isu tebatan banjir dan kawasan tepian sungai dibangunkan untuk manfaat penduduk kota," katanya.

Tegas tangam isu rasuah

Perdana Menteri turut menegaskan, kerajaan akan menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat dengan menamatkan isu rasuah dan ketirisan di negara ini.

"Ketegasan kerajaan dalam isu rasuah dan ketirisan ini demi menyelamatkan rakyat. Kita tidak mahu apabila pegang kuasa, seseorang itu jadi kaya. Kita tidak mahu apabila jadi menteri kewangan, orang itu akan jadi kaya.

"Perkara itu perlu dihentikan

supaya masalah kemiskinan tegar ini dapat dinoktahkan," katanya mengulangi penegasan, kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam isu ketirisan dan rasuah serta akan tegas bertindak ke atas sesiapa saja.

Anwar bagaimanapun mengakui sukar bagi kerajaan mengbasmi kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat dengan sumber kewangan yang terhad.

"Saya ambil alih kerajaan yang mana hutangnya mencecah RM1.5 trilion, yang mana hutang ini bukannya untuk buat ladang dan rumah kepada rakyat, tetapi hutang ini diambil untuk kepentingan anak menantu, pemimpin dan kawan mereka.

"Ini (hutang) adalah perangkap besar yang menyebabkan kerajaan hilang, bukan puluhan juta, tetapi ribuan juta ringgit untuk rakyat," katanya turut menjelaskan tindakan kerajaan membatalkan projek rundingan terus tebatan banjir dapat menjimatkan hampir RM2 bilion dana awam.

Dengan penjimatan itu, katanya, kerajaan dapat melaksanakan dua lagi projek tebatan banjir, masing-masing di Sungai Golok di Kelantan dan Johor.